



SIARAN MEDIA

KPKT KOMITED KE ARAH PEMBANGUNAN MOBILITI RENDAH KARBON MELALUI PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN PETAK PENGECCASAN KENDERAAN ELEKTRIK (GPP EVCB)

KUALA LUMPUR, 12 Oktober 2023 – Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menyediakan **Garis Panduan Perancangan Petak Pengeccasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB)**.

GPP EVCB ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bilangan 42 (Bil. 2 Tahun 2023) yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 September 2023. GPP EVCB ini merupakan salah satu daripada lima (5) agenda progresif KPKT untuk menyambut baik kerangka Ekonomi MADANI selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai sasaran sebanyak **10,000 EVCB di seluruh negara menjelang tahun 2025**.

GPP EVCB ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua pihak yang terlibat dalam merancang, mereka bentuk dan mengawal pembangunan khususnya penyediaan pelan pembangunan dan pertimbangan terhadap permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan atau permit pembinaan bagi petak pengeccasan kenderaan elektrik (*electric vehicle charging bay* - EVCB).

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming, garis panduan ini merangkumi aspek perancangan dan reka bentuk bagi penyediaan EVCB mengikut jenis peranti pengeccasan iaitu peranti jenis arus ganti (*alternating current* - AC) atau peranti jenis arus terus (*direct current* - DC) yang mematuhi ketetapan *Guide on Electric Vehicle Charging System* (EVCS), 2021 oleh Suruhanjaya Tenaga (ST). GPP ini adalah terpakai untuk pembangunan sedia ada dan pembangunan baharu.

Aspek perancangan dan reka bentuk meliputi perkara-perkara berkaitan lokasi dan perletakan EVCB, bilangan keperluan EVCB, saiz EVCB, suis pengasingan elektrik utama (*main isolation switch*), pengasingan EVCB dengan TLK bukan EV, sistem semburan automatik (*automatic sprinkler system*) atau sistem pengesanan kebakaran automatik (*automatic fire detection system*) jenis haba atau *multi-sensor detecting type*, kedudukan EVCB dari *wet riser*, *dry riser* atau pili bomba serta penyediaan *vehicle fire blanket*. Penyediaan EVCB perlu mematuhi syarat-syarat yang terdapat dalam Garis Panduan Keselamatan Kebakaran Bagi Pemasangan *Electric Vehicle Charging Bay* di Premis oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Dari aspek prosedur, terdapat empat (4) inisiatif proses kelulusan pelan di PBT telah digariskan untuk mempercepatkan dan mempermudah proses permohonan oleh pemohon iaitu *Charger Point Operator* (CPO) bagi pemasangan EVCB di bangunan sedia ada iaitu:

- i. Pra-perundingan dengan pembekal utiliti iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB);
- ii. Tempoh masa kelulusan adalah tujuh (7) hari atau 14 hari tertakluk kepada jenis peranti, reka bentuk dan lokasi (*outdoor*, *indoor* atau *roof top*);
- iii. Penurunan kuasa kepada jabatan berperaku iaitu Jabatan Kawalan Bangunan PBT atau Jabatan Kejuruteraan PBT; dan
- iv. Pelaksanaan kaedah *self regulation* atau *self assessment* oleh perunding bertauliah.

GPP EVCB ini adalah penting bagi mempercepatkan proses penyediaan infrastruktur EVCB yang selamat dan lengkap di lokasi strategik bagi menyokong industri EV di negara ini.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertwi

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my